



52

MAJLIS BANDARAYA IPOH

ARAHAN KEWANGAN BIL. 05/2015

Rujukan : Bil (52) dlm.MBI.B1/12/1/12

Jabatan Kewangan
Majlis Bandaraya Ipoh

16 Februari 2015

Tuan Setiausaha Bandaraya /
Timbalan Setiausaha Bandaraya /
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit
Majlis Bandaraya Ipoh

PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN PEROLEHAN

Dengan hormatnya saya memohon perhatian pihak tuan / puan kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, adalah dimaklumkan bahawa setiap jabatan perlu membuat perancangan dan pelaksanaan yang teratur bagi sesuatu perolehan. Ini kerana akan mengoptimumkan manafaat dan keperluan perolehan tersebut. Perolehan secara sebut harga/tender yang perlu dibuat pada tahun 2015 hendaklah dilaksanakan pada awal tahun dan perlantikan kontraktor/syarikat melalui Mesyuarat Sebut Harga/Tender adalah selewat-lewatnya pada akhir bulan Oktober 2015. Bagi perolehan secara sebut harga/tender yang akan dilaksanakan pada tahun 2016, perlantikan kontraktor/syarikat boleh dibuat lebih awal iaitu pada bulan November dan Disember 2015.

3. Selain itu, sekiranya terdapat perolehan sebut harga/tender yang akan tamat, pihak jabatan yang bertanggungjawab terhadap perolehan tersebut hendaklah membuat permohonan perolehan baru atau sambungan selewat-lewatnya 3 bulan sebelum tamat perolehan asal.

4. Oleh yang demikian, diharap setiap jabatan dapat memenuhi penetapan ini supaya perolehan yang perlu dibuat pada tahun 2015 dapat dilaksanakan dengan jayanya dan manafaat dari perolehan tersebut dapat digunakan sepenuhnya.

Sekian, dimaklumkan, terima kasih.

"KEBERHASILAN INOVASI PERKHIDMATAN BERKUALITI"

Saya yang menurut perintah,


(DATO' HARUN BIN RAWI, DPMP, PMP., AMP.)
Datuk Bandar Ipoh